

Pemuda PBB menuntut Snap disingkir

KUCHING, Rabu — Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) hari ini meluluskan satu ketetapan menuntut disingkir Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dari Barisan Nasional.

Ketetapan yang diluluskan dalam mesyuarat tergempar Pergerakan Pemuda PBB di sini menyerahkan kepada Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Talib Mahmud yang juga Pengerusi Barisan Nasional Negeri, untuk mengambil apa saja tindakan yang difikirkannya perlu terhadap Snap.

Mesyuarat itu yang dihadiri oleh Jawatankuasa Kerja Pusat Pemuda PBB dan Datuk Celestine Ujang, juga menyemak keadaan politik terbaru di negeri ini.

Jawatankuasa itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, berkata ketetapan itu diluluskan kerana Snap telah melanggar disiplin dalam pilihanraya negeri baru-baru ini.

Kenyataan itu berkata, selain meletakkan calon-calonnya di Tasik Biru dan Padungan, Snap juga menyokong calon-calon bebas dalam beberapa kawasan yang ditandingi oleh Barisan Nasional.

Berdasarkan fakta-fakta ini, Snap seharusnya disingkir dari Barisan Nasional, tambah kenyataan itu.

Jawatankuasa itu juga mencadangkan supaya dibuat satu "post-mortem" mengenal pilihanraya itu, terutama sekali mengenal kerusi Tasik Biru yang calon Barisan Nasional, Peter Minos, dikalahkan oleh Dr Patau Rubis dari Snap.

Dalam satu lagi ketetapan, jawatankuasa itu mengucapkan terima kasih kepada anggota PBB bahagian dan daerah kerana telah berusaha memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia